

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
[KULIM BANDAR BAHARU]**

SOALAN :

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]
minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- a) jumlah rakyat Malaysia golongan profesional yang bekerja di luar negara mengikut sektor dan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memanggil mereka pulang berkhidmat dalam negara; dan
- b) apakah mekanisme yang telah dirangka oleh kerajaan dalam mempromosikan kepada masyarakat umum mengenai pekerjaan yang memerlukan tenaga mahir seperti industri pembuatan, pembinaan dan sebagainya demi mengekang kebanyakan pekerja asing di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menerusi Laporan Malaysia *Economic Monitor: Brain Drain* yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada April tahun 2011, kira-kira satu juta rakyat Malaysia menetap di luar negara, di mana satu-pertiga daripada jumlah tersebut merupakan tenaga berkepakaran tinggi. Namun begitu, laporan tersebut turut mengakui bahawa penghijrahan sedemikian bukan terhad hanya kepada Malaysia, malah fenomena penghijrahan ini turut beriak kepada negara-negara lain memandangkan terdapat *global war for talent*.

Seterusnya, Laporan Bank Dunia pada Jun 2015 yang bertajuk, "*Assessment of Returning Expert Programme (REP) & Residence Pass-Talent*" pula menjelaskan bahawa inisiatif REP di bawah seliaan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) adalah efektif bagi memudahcara keupulangan tenaga kerja pakar yang diperlukan di Malaysia. Antara faktor yang menyumbang kepada migrasi rakyat Malaysia ke luar negara ialah untuk mendapat peluang pekerjaan serta prospek kemajuan kerjaya yang menarik dan kebanyakan rakyat

Malaysia di luar negara menetap di Singapura, United Kingdom, Australia, dan Amerika Syarikat.

Menerusi laporan tersebut juga, usaha memudahcara kepulangan rakyat Malaysia berkemahiran tinggi merupakan instrumen bagi membantu memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dan industri sekaligus merapatkan jurang perbezaan kemahiran (*skills gap*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, TalentCorp telah diberi mandat untuk menerajui program REP bagi memudahcara kepulangan tenaga kerja berkemahiran tinggi Malaysia di luar negara. Pelaksanaan REP juga telah melalui beberapa fasa penambahbaikan bagi memastikan kualiti modal insan berkemahiran tinggi yang diluluskan adalah selaras dengan keperluan semasa industri dan ekonomi negara.

Melalui penambahbaikan pelaksanaan REP juga, lebih **3,990** modal insan berkemahiran tinggi telah diluluskan dibawah program ini. Antara pakar yang berjaya diluluskan dan telah kembali untuk berkhidmat di beberapa bidang di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) adalah seperti berikut:

| No. | Sektor | Pakar yang Pulang | Jawatan | Syarikat |
|------------|-------------------------|---------------------------|---------------------------------------|--|
| 1. | Minyak & Gas | Iain John Lo | Pengerusi | Shell Malaysia Berhad |
| 2. | Kesihatan | Prof. Dr. John Chan | Pakar Bedah Kardiorasik | Hospital Umum Sarawak |
| 3. | Kewangan | Foong Pik Yee | Ketua Pegawai Kewangan (CFO) | Hong Leong Bank Berhad |
| 4. | Elektronik | Purushothuman Swaminathan | Timbalan Pengarah Operasi | Flextronics Technology(Penang) Sdn. Bhd. |
| 5. | Perakaunan | Imran Rahim | Pengarah Eksekutif | Ernst & Young |
| 6. | Pembinaan | Norlida Abdul Azmi | Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan | UEM Group Berhad |

Usaha TalentCorp juga tidak terhad kepada pelaksanaan REP sahaja bahkan ianya turut merangkumi pendekatan untuk menghubungkan tenaga kerja mahir Malaysia di luar negara dengan peluang pekerjaan tersedia dalam negara. Pendekatan ini juga selaras dengan laporan Bank Dunia seperti di atas yang menyatakan bahawa rakyat Malaysia yang telah mendapat pekerjaan lebih cenderung untuk pulang ke Malaysia.

Di samping itu, sesi temu seru di luar negara juga turut diadakan terutamanya di negara yang dikenalpasti mempunyai populasi rakyat

Malaysia yang tinggi. Sesi temu seru ini diadakan dengan keterlibatan syarikat Malaysia dengan matlamat untuk mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan profesional yang wujud hasil pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Sekian, terima kasih.

November 2016